

Tambah baik PERMAI bolehkan lebih ramai dapat manfaat

Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 18 Januari lalu dengan RM15 bilion diperuntukkan meliputi 22 inisiatif dirangka.

Ia kesinambungan kepada empat pakej rangsangan ekonomi terdahulu dengan peruntukan keseluruhan RM305 bilion.

Ditambah RM322.5 bilion melalui Belanjawan 2021, maka kerajaan sudah dan akan membelanjakan sekurang-kurangnya RM642.5 bilion, terbesar dalam sejarah negara membabitkan tempoh hanya 22 bulan, iaitu antara Mac 2020 hingga Disember 2021.

Persoalannya, adakah semua pakej rangsangan ini terutama PERMAI mampu membantu kelangsungan

hidup rakyat?

Dalam konteks 22 inisiatif digariskan, sebahagian kesinambungan daripada empat pakej rangsangan sebelum ini dan sebahagian yang lain adalah inisiatif yang cuba memberikan nafas baharu kepada rakyat.

Bagaimanapun, persoalan yang timbul adakah rakyat Malaysia secara keseluruhannya boleh menarik nafas lega dengan semua inisiatif ini?

Apa pun, terdapat keperluan untuk kerajaan melihat semula keperluan semasa rakyat. Lantas digariskan empat langkah boleh diambil untuk menambah baik pakej PERMAI.

Pertama, Program Subsidi Upah

(PSU 3.0) perlu dilanjutkan sehingga September depan kerana ia tidak memadai untuk berakhir sekadar April.

Situasi semasa pergerakan ekonomi agak perlahan untuk suku pertama 2021 jika dibandingkan suku tahun ketiga dan keempat 2020 disebabkan PKP kali ini.

Hal ini dijangka memberi kelegaan kepada majikan dan juga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memulihkan perniagaan masing-masing.

Kedua, kerajaan disaran memberikan moratorium secara automatik kepada mereka yang berpendapatan isi rumah bawah RM10,000.

Kesan ekonomi ketika ini tidak hanya memberikan impak kepada B40, tetapi lebih meluas sehingga M40 juga

terkena tempiasnya.

Oleh itu, langkah memberikan moratorium automatik kepada B40 dan sebahagian M40 yang berpendapatan isi rumah bawah RM10,000 akan dapat membantu kedua-dua kategori ini untuk perbelanjaan pendidikan anak yang menelan kos lebih tinggi ketika ini dengan pembelian peralatan pembelajaran seperti tablet, mesin pencetak dan kertas.

Melalui pembelian gajet ini, maka data 1 gigabait percuma setiap hari yang dilanjutkan melalui PERMAI sehingga 30 April depan akan dapat digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Pemberian komputer riba kepada 150,000 murid di 500 sekolah rintis di-

umumkan ketika Belanjawan 2021 pula masih belum diagihkan walaupun sesi pembelajaran sudah bermula 20 Januari lalu.

Tatkala, Ebit Liew menghadihkan tablet kepada 100 pelajar yang memerlukan dalam tempoh separuh hari beliau memaklumkan menerima 43,000 mesej daripada individu yang memerlukan gajet itu.

Perkara ini perlu dipandang serius dan dicadangkan supaya kerajaan mempercepat urusan pemberian komputer riba seperti diumumkan pada November lalu.

Sebaiknya ia disegerakan memandangkan begitu ramai rakyat yang memerlukan komputer riba atau tablet bagi urusan pembelajaran anak masing-masing.

Akhirnya, terdapat keperluan mendesak untuk kerajaan memantau dan mengawal harga barang yang kebela-kangan ini menunjukkan tanda berlakunya kenaikan terutama membabitkan barangan makanan dan keperluan harian.

Perkara ini benar-benar terjadi di lapangan dan sudah tentu menambah lagi beban dan keperitan perlu ditanggung rakyat terutama B40 dan M40.

'Condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegakkan' - demikianlah harapan rakyat terhadap fungsi kerajaan sekarang untuk meneruskan survival.



Keperluan mendapatkan komputer riba untuk kegunaan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) membebankan lagi perbelanjaan isi rumah terutama bagi golongan B40.

(Foto hiasan)

Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM)